

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : PENTAKSIRAN REKA BENTUK DAN
TEKNOLOGI SEKOLAH RENDAH

KOD KURSUS : BBR 20703

KOD PROGRAM : 2 BBR

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2015 / JULAI 2015

MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM
KERTAS INI.

NAMA PELAJAR : _____

NO MATRIK : _____

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEPULUH (10)** MUKA SURAT

SULIT

S1 (a) Nyatakan definisi bagi konsep-konsep berikut.


(i) Pengujian: _____

(ii) Penilaian: _____

(iii) Pentaksiran: _____

(3 markah)

(b) Jelaskan perkaitan di antara pengajaran, pembelajaran dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) menggunakan lakaran yang bersesuaian.



(4 markah)

(c) Bangunkan tiga objektif pembelajaran bagi topik Keselamatan Bengkel berdasarkan domain pembelajaran kognitif, afektif dan psikomotor.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

SULIT

BBR 20703

S2 (a) Nyatakan tiga faktor yang boleh mempengaruhi kesahan kandungan soalan ujian.


- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

(3 markah)

(b) Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memastikan soalan yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.


(4 markah)

(c) Terangkan hubungkait antara kesahan dan kebolehpercayaan dengan menggunakan lakaran yang bersesuaian.



(3 markah)

- S3 (a) Berpandukan Rajah S3, namakan jenis-jenis pentaksiran dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).



RAJAH S3

(4 markah)

- (b) Berdasarkan Rajah S3:
- (i) Pentaksiran yang manakah berkaitan dengan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi?

- (ii) Bagaimanakah pentaksiran tersebut dapat mengukur tahap penguasaan pelajar dalam melaksanakan peraturan dan keselamatan di bengkel?

(3 markah)

- (c) Pada pendapat anda, bilakah penilaian melalui pemerhatian lebih sesuai dilaksanakan berbanding penilaian secara ujian bertulis?

(3 markah)

S4 (a) Lengkapkan prosedur pembentukan dan pelaksanaan ujian dalam Rajah S4 berikut.

Langkah 1	• Menentukan tujuan ujian
Langkah 2	
Langkah 3	
Langkah 4	
Langkah 5	• Mentadbir ujian

RAJAH S4

(3 markah)

(b) Nyatakan elemen-elemen utama dalam Jadual Spesifikasi Ujian (JSU).

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

(3 markah)

(c) Cadangkan dua strategi bagi memastikan pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dapat mematuhi standard prestasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang telah ditetapkan bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi.


- (i) _____

- (ii) _____

(4 markah)

S5 Kurikulum Standard Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Tahap II diorganisasikan kepada enam Standard Kandungan di antaranya Penghasilan Projek dan Teknologi Pertanian. Topik disusun mengikut aras kognitif murid iaitu dari mudah ke sukar manakala penekanan dalam penilaian diberikan terhadap elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

(a) Berpandukan Rajah S5, namakan elemen KBAT dalam pentaksiran PBS.



RAJAH S5

(4 markah)

(b) Standard pembelajaran bagi topik penanaman biji benih melibatkan beberapa aktiviti seperti:

- pemilihan biji benih yang baik iaitu cukup matang, bernas, berbentuk normal dan tidak diserang perosak,
- penggunaan alatan tangan (contoh, serampang tangan dan penyiram),
- pemilihan medium semaian seperti medium campuran dan *peat most*,
- penyediaan medium dan bekas semaian.

Sebagai seorang guru yang mengajar mata pelajaran RBT, anda dikehendaki merancang penilaian bagi menguji tahap penguasaan dan kemahiran murid dalam menghasilkan projek ini. Berpandukan Jadual S5, binakan standard prestasi (kriteria penilaian) yang bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.


Jadual S5

Standard Prestasi	Tahap 1	
	Tahap 2	
	Tahap 3	
	Tahap 4	
	Tahap 5	
	Tahap 6	


(6 markah)

S7 (a) Dengan berbantuan lakaran, labelkan kedudukan nilai mod, min dan median pada taburan berikut:

(i) Lengkung taburan terpencong ke kanan.



(ii) Lengkung taburan normal



(4 markah)

(b) Berdasarkan set taburan markah berikut, tentukan nilai mod, median dan min, dan tafsirkan taburan markah murid berdasarkan nilai statistik diskriptif yang diperolehi.


75	82	68	57	80	60	82	78	83	74
----	----	----	----	----	----	----	----	----	----

(i) Mod

(ii) Median

(iii) Min

- (iv) Lakarkan taburan data di atas, labelkan nilai mod, min dan median pada lakaran dan nyatakan arah pencongan.



(6 markah)

- S8 Jadual S8 menunjukkan markah ujian prestasi dan ujian tara bagi lima orang murid.

Jadual S8

Subjek	REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI			
Murid	Skor Ujian Prestasi	Skor-Z	Skor Ujian Tara	Skor-Z
Arman	85		70	
Azizah	75		75	
Chia Sook Fei	84		80	
Goh Wei Kian	76		70	
Hairy	90		85	
Min				
SD	5.7		5.8	

- (a) Kirakan nilai min bagi skor ujian prestasi dan ujian tara dalam Jadual S8.

(2 markah)

- (b) Kirakan maklumat skor Z bagi Arman, Chia Sook Fei dan Hairy bagi kedua-dua ujian tersebut dan lengkapkan Jadual S8.

(4 markah)

- (c) Adakah Azizah mempunyai prestasi yang lebih baik dalam ujian tara berbanding ujian prestasi? Buktikan.

(2 markah)

- (d) Bagaimanakah laporan pemarkahan murid dapat membantu guru membuat keputusan dalam mengubahsuai bentuk ujian?

(2 markah)

-SOALAN TAMAT-